



# KENYATAAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

## Sesi Taklimat Umum bersama PKS di Sabah

**Kota Kinabalu, 27 Ogos 2016** - Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed mengadakan sesi Taklimat Umum bersama PKS hari ini untuk berkongsi aspirasi Kerajaan dalam memastikan PKS di Negeri Sabah turut terlibat di dalam proses pembangunan negara. Sesi Taklimat Umum yang dikendalikan oleh MITI dan SME Corp. Malaysia ini telah dihadiri oleh lebih daripada 500 orang peserta yang terdiri daripada bukan sahaja PKS di Negeri Sabah malah wakil dari Kementerian, agensi, persatuan, dewan perniagaan, institusi perbankan serta universiti dan institut penyelidikan.

Semasa sesi tersebut, YB Dato' Sri Mustapa memaklumkan tentang perkembangan terkini ekonomi dan kesannya ke atas PKS di Negeri Sabah. Di sebalik persekitaran ekonomi yang semakin mencabar, PKS di Malaysia kekal berdaya saing dengan mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 6.1% pada tahun 2015. Kaji Selidik Suku Pertama Tahun 2016 yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia menunjukkan bahawa kebanyakan responden di Negeri Sabah (32%; Kaji Selidik S3 2015: 18%) menjangkakan perniagaan mereka bertambah baik dalam tempoh masa 6 bulan akan datang.

Memandangkan PKS di Negeri Sabah merangkumi 6.3% daripada jumlah keseluruhan PKS di negara ini, beliau menekankan tentang kepentingan PKS di Negeri Sabah untuk menyertai dan mendapat manfaat daripada pelbagai program yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Merujuk kepada kemudahan menjalankan perniagaan, Dato' Sri Mustapa Mohamed berkongsi pandangan beliau mengenai rundingan yang dibuat bersama

Kerajaan Negeri Sabah dalam melaksanakan Program Berimpak Tinggi 1 di bawah Pelan Induk PKS. Ia berhubung pembangunan Portal Maklumat Pendaftaran Perniagaan dan Pelesenan atau ‘MalaysiaBiz’ yang melibatkan proses memuat naik maklumat penuh mengenai 1,174 aktiviti perniagaan di Negeri Sabah dan dijangka siap pada awal 2017. Portal ini akan memudahkan proses memulakan perniagaan di negeri ini dan juga untuk PKS sedia ada memperbaharui pendaftaran dan lesen perniagaan mereka.

Untuk mengukuhkan prospek jangka panjang PKS, Dato' Sri Mustapa Mohamed juga menggalakkan PKS untuk menggunakan teknologi terkini dalam operasi perniagaan mereka. Ketika ekonomi sedang menuju ke arah era digital, PKS harus menerima pakai teknologi dan inovasi untuk meletakkan diri mereka setapak di hadapan pesaing mereka. Beliau berharap agar lebih banyak PKS di negeri ini mengeksport produk dan perkhidmatan mereka melalui pelbagai program sokongan yang disediakan. Pengantarabangsaan adalah penting dalam mencapai objektif Wawasan 2020 dan untuk itu, Kerajaan telah menjadikan PKS sebagai salah satu agenda rundingan di dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). PKS diingatkan agar mengambil peluang untuk mendapat manfaat daripada TPPA dan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).

Sesi taklimat ini juga membincangkan tentang kandungan Rang Undang-Undang PKS Kebangsaan 2016 yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada akhir tahun ini. Melalui Akta ini, rangka kerja pembangunan PKS yang sedia ada akan diperkuuhkan ke arah mencapai 41% sumbangan KDNK PKS pada tahun 2020. Selain menyedari kesan ekonomi ke atas PKS dalam menjana pertumbuhan ekonomi, adalah sama penting untuk memastikan pertumbuhan inklusif dan dalam masa yang sama agenda sosio-ekonomi dipenuhi.

Pada hari yang sama, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed bersama-sama dengan YB Datuk Seri Panglima Raymond Tan Shu Kiah, Timbalan Ketua Menteri Sabah turut berbincang lebih lanjut mengenai program pembangunan dan cabaran semasa untuk PKS di Negeri Sabah.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Marianne Edwina Santa Maria di 03-2775 6208 ([marianne@smecorp.gov.my](mailto:marianne@smecorp.gov.my)) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 ([muizzyusof@smecorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smecorp.gov.my)).

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>

e-mail: [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

**SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.